

Mahathir bercita - cita dedahkan rakyat cintai sains

UM 25 APR 1986

KUALA LUMPUR 24 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad bercita - cita mendedahkan rakyat Malaysia kepada sains supaya wujud perasaan cintakan sains dan tidak lagi menganggapnya sebagai satu bidang ilmu yang membingung dan menggerunkan.

Impian Perdana Menteri ialah melihat rakyat Malaysia dari segenap lapisan hidup cenderung kepada sains menerusi pendedahan sejak kecil lagi.

“Harapan kita ialah lambat laun, masyarakat Malaysia akan terdiri daripada orang - orang yang mempunyai fikiran yang ingin mengetahui dan berminat mencari dan menjalankan kajian terhadap persekitaran mereka.

“Oleh itu, sains tidak lagi perlu menjadi ilmu yang mengelirukan dengan terdedahnya rakyat Malaysia kepada asas saintifik dan penjelasan - penjelasan tentang peristiwa - peristiwa harian yang berlaku,” tambahnya semasa melancarkan Minggu Sains dan Teknologi ASEAN yang pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Kira - kira 350 orang pakar sains dari negara ASEAN dan juga negara - negara rakan dialog ASEAN termasuk EEC, Amerika Syarikat, Canada dan Jepun menghadiri persidangan yang diadakan sempena minggu itu yang berakhir pada 30 April.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan hasrat-

nya itu dapat dicapai menerusi pendedahan tidak rasmi kepada bahan - bahan pameran di pusat - pusat sains, taman bunga dan zoo, muzium sains dan planetarium.

Beliau yakin menerusi aktiviti - aktiviti itu serta dasar - dasar kerajaan, rakyat Malaysia sentiasa bersedia secara pendidikan dan psikologi untuk menerima teknologi baru.

Berkongsi faedah

Perdana Menteri percaya negara - negara ASEAN juga mempunyai cita - cita sama seperti Malaysia untuk memperkukuhkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi untuk mengurangkan kos dan berkongsi faedah yang diperolehi.

Beliau mengakui terdapatnya kebenaran tentang cakap - cakap kononnya negara - negara maju tidak mahu memindahkan teknologi kepada negara - negara ASEAN.

Tetapi, tegasnya, adalah juga perlu menimbangkan kesediaan rakyat ASEAN sendiri un-

tuk menerima teknologi baru.

“Sungguhpun ucapan saya mungkin menyakitkan hati, saya ingin menyatakan kadang - kadang kita sendiri tidak bersedia secara psikologi atau sikap untuk menerima teknologi yang diperlukan.”

“Jika kita hendak maju dalam pemilikan teknologi, kita perlu membuat persiapan dengan mengejar apa yang kita mahu. Dengan asas - asas yang boleh kita perolehi secara agak mudah, kita perlu menjalankan kajian dan pembangunan sendiri,” katanya.

Keaslian sains dan teknologi ASEAN memerlukan pendekatan bersama memandangkan bidang itu luas dan tidak ada satu negarapun mampu menerokai kesemuanya.

Oleh itu pengkhususan perlu dibuat dan negara - negara ASEAN perlu mengenalpasti bidang pengkhususan yang perlu dipelopori supaya sumber - sumber terhad dari segi tenaga manusia dan wang di rantau ini dapat diagihkan secara berkesan.